

JOHOR BAHRU, 10 NOV. (BERNAMA) -- MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMED, HARI INI MENCADANGKAN SEKOLAH-SEKOLAH LEBIH BAIK KEDUDUKAN MERKA SUPAYA MENOLONG SEKOLAH-SEKOLAH YANG KURANG BERNASIB BAIK DI KAWASAN MASING-MASING UNTUK MENINGGIKAN LAGI TARAF PELAJARAN.

BELIAU MEMBERITAHU BERNAMA LANGKAH SEUMPAMA ITU, MISALNYA MEMBENARKAN SEKOLAH-SEKOLAH YANG KURANG BERNASIB BAIK MENGGUNAKAN BERSAMA KEMUDAHAN-KEMUDAHAN MODEN YANG ADA DI SEKOLAH-SEKOLAH MERKA AKAN MENJADI Tauladan yang baik kepada masyarakat.

LANGKAH ITU JUGA DAPAT MENOLONG MERKA MEMBENTOK SEBUAH TABUNG BERSAMA UNTUK MEMBIAYAI BERBAGAI PROJEK.

KATANYA ADALAH SANGAT WAJAR SEKOLAH-SEKOLAH YANG BERKEDUDUKAN LEBIH BAIK MENUNJUKAN SIKAP KEMURAHAN DENGAN MEMBENARKAN SEKOLAH-SEKOLAH YANG KURANG BERNASIB BAIK MENGGUNAKAN BERSAMA SEGALA KEMUDAHAN YANG ADA, SEPERTI PERPUSTAKAAN, MAKMAL SAINS, BENGKEL DAN KELINIK GIGI SEKOLAH. -- BERSAMBUNG
1830/ZCM

203:

MAHATHIR 2 JOHOR BAHRU

BELIAU JUGA BERHARAP PARA PELAJAR, KHASNYA DI SEKOLAH-SEKOLAH VOKESYENAL TIDAK HANYA MENANGGAP KELENGKAPAN YANG DISEDIAKAN UNTUK MERKA +SEBAGAI PERHIASAN SAJA.+

MERKA HENDAKLAH BELAJAR MENGHARGAI KEMUDAHAN-KEMUDAHAN YANG DISEDIAKAN ITU.

CONTOHNYA, JENTERA-JENTERA YANG DIPASANG DI SEKOLAH VOKESYENAL DI SINI ADALAH MAHAL-MAHAL BELAKA DAN PERLU DIJAGAI.

+KELENGKAPAN YANG BAIK SEUMPAMA INI TIDAK TERDAPAT DI LAIN-LAIN SEKOLAH DI RANTAU INI+, TAMBAHNYA.

+IA MERUPAKAN SATU PELABORAN BUKAN SAJA DARI SEGI MASA DEPAN PARA PELAJAR TETAPI JUGA DARI SEGI MEMBINA SEBUAH NEGARA YANG PROGRESIF,+ KATANYA LAGI. -- BERNAMA

1834/ZCM